

08 AUG 2001

Mahathir-VCD

KABINET PANDANG BERAT PENJUALAN VCD LUCAH

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata membuat keputusan untuk melarang penjualan VCD di tempat terbuka kerana ia bimbang dengan amalan menjual VCD lucah oleh peniaga-peniaga.

Perdana Menteri berkata kerajaan mendapati hampir semua peniaga VCD menjual bahan lucah dan yang dicetak rompak.

"Kerana itu, kita membuat keputusan melarang VCD dijual di luar. Mereka (peniaga) mesti ditempatkan di premis yang sesuai serta dilesenkan, dan kita akan sentiasa membuat pemeriksaan," katanya pada sidang media selepas satu taklimat tertutup kepada anggota Umno di PWTC di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata mesyuarat kabinet hari ini tidak dapat membincangkan masalah remaja kerana jemaah menteri mahu memberi tumpuan kepada isu penjualan VCD lucah.

Baru-baru ini, beliau berkata mesyuarat kabinet hari ini akan khusus membincangkan gejala membabitkan remaja masa kini.

Perdana Menteri juga berkata, kabinet hari ini membuat keputusan membenarkan pelajar sekolah jenis kebangsaan, yang pendapatan ibu bapa mereka RM1,000 dan ke bawah, menerima bantuan buku teks daripada kerajaan.

Beliau berkata, sekolah jenis kebangsaan sebelum ini tidak mendapat kemudahan skim pinjaman buku teks seperti di sekolah kebangsaan kerana kerajaan mahu semua murid tertarik untuk belajar di sekolah kebangsaan.

"Kalau kita memberi kemudahan yang sama kepada sekolah jenis kebangsaan, maka tidak ada perbezaan, dan dengan itu tidak ada daya penarik ke sekolah kebangsaan," katanya.

Dr Mahathir berkata dasar itu bukan ada kaitan dengan bangsa atau keturunan tetapi berkaitan dengan sekolah.

"Kalau murid Cina pergi ke sekolah kebangsaan, mereka akan dapat kemudahan yang sama. Kalau murid Melayu pergi ke sekolah jenis kebangsaan, mereka akan mendapat layanan seperti yang diberi kepada sekolah jenis kebangsaan.

"Tolong jangan jadikan ini isu perkauman," katanya.

-- BERNAMA

AFY AFY MAI